



HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

**Terma & Syarat
Akaun Pelaburan Portfolio-i (PIA-i)**

**SILA BACA DAN FAHAMI SETIAP TERMA DAN SYARAT SEBELUM ANDA
MENANDATANGANI PERJANJIANINI.**

1. DEFINISI

1.1. Istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan berikut membawa makna seperti yang dijelaskan di bawah:

“AUM” bermaksud Asset Under Management iaitu jumlah nilai pasaran aset yang dilaburkan oleh Pengurus Pelaburan dalam Dana Al-Izdihar, Dana Maa’rof dan Dana Makmur.

“Bank” bermaksud **Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W))** atau **“HLISB”**.

“BNM” bermaksud Bank Negara Malaysia.

“Dana PIA-i” merujuk kepada dana Portfolio Investment Account-i.

“Hari Bekerja” bermaksud hari di mana HLBB/HLISB dibuka untuk berurus niaga di Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak, mengikut takwim wilayah berkenaan.

“Akaun Semasa-i & Akaun Simpanan-i” atau **“CASA-i”** ialah akaun deposit HLISB yang patuh Syariah.

“Akaun Semasa & Akaun Simpanan” atau **“CASA”** ialah akaun deposit HLBB.

“HLBB” bermaksud Hong Leong Bank Berhad dan seluruh cawangannya.

“HLISB” bermaksud Hong Leong Islamic Bank Berhad dan seluruh cawangannya.

“HLISAM” bermaksud Hong Leong Islamic Asset Management yang dilantik oleh HLISB untuk melaburkan wang daripada PIA-i ke dalam 3 Dana Unit Amanah patuh Syariah pegangan HLISAM.

“HLB Connect” bermaksud kemudahan internet/ perbankan elektronik dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh HLB/HLISB dengan nama apa pun yang ditentukan, untuk membolehkan anda melaksanakan perkhidmatan melalui internet dengan cara elektronik sama ada dengan menggunakan terminal komputer peribadi atau peranti elektronik lain (termasuk peranti mudah alih) yang boleh diakses dengan memasukkan maklumat yang sah dari log kredensial masuk. Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, rujukan ke HLB Connect bermaksud dan termasuk ke perbankan dalam talian HLB Connect, yang



HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

dapat diakses oleh anda melalui internet menggunakan komputer peribadi atau peranti elektronik lain (termasuk peranti mudah alih).

“IFSA” bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuklah apa-apa pindaan yang dibuat terhadapnya.

“Akaun Pelaburan-i” atau **“IA-i”** bermaksud suatu akaun di mana wang diterima dan diletakkan bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, mengikut Syariah dan di atas terma bahawa tiada obligasi yang nyata atau tersirat untuk membayar balik wang tersebut sepenuhnya dan:

- (a) Sama ada hanya jumlah keuntungan, atau kedua-dua jumlah keuntungan atau rugi, hendaklah dikongsi di antara orang yang membayar wang itu dan orang yang menerima wang tersebut; atau
- (b) Dengan atau tanpa apa-apa pulangan.

“Pemegang Akaun Pelaburan” atau **“IAH”** bermaksud pemegang akaun bagi produk Akaun Pelaburan-i yang ditawarkan oleh pihak Bank dan IAH juga dikenali sebagai “Pelabur” atau “Pelanggan”.

“Jumlah Langganan” merujuk kepada jumlah kasar langganan Pelabur yang belum ditolak fi pendahuluan sebanyak 1.00% bagi tujuan pelaburan.

“Penilaian Kesesuaian” atau **“SA”** bermaksud penilaian yang dilakukan oleh HLISB untuk mengumpul maklumat yang diperlukan daripada prospek Pelabur iaitu dari segi kemampuan kewangan, tahap risiko dan kebolehan untuk menanggung risiko yang akan membantu pihak Bank memberi cadangan berdasas.

“PIA-i” ialah Akaun Pelaburan Porfolio-i yang ditawarkan oleh HLISB di bawah kategori Akaun Pelaburan Terhad di mana Pelabur memberikan mandat khusus terhadap Bank untuk tujuan pelaburan.

“Prinsipal” bermaksud duit yang dilaburkan ke dalam Akuan Pelaburan-i oleh Bank, atau boleh juga dikenali sebagai modal.

“Helaian Pendedahan Produk” atau **“PDS”** ialah sebuah dokumen yang mengandungi maklumat-maklumat yang berkaitan tentang produk yang ditawarkan oleh Bank.

“Tempoh Pembahagian Keuntungan (PDP)” merujuk kepada tempoh di mana keuntungan akan diagihkan kepada Pelabur setiap enam (6) bulan.

“Akaun Pelaburan Terhad” atau **“RA”** merujuk kepada akaun pelaburan di mana pelabur memberi mandat khusus pelaburan kepada Bank mengenai tujuan, pengelasan aset, sektor ekonomi dan tempoh pelaburan.



HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

“Siri PIA-i” merujuk kepada siri PIA-i yang berlaku setiap 3 bulan yang mana 21 hari pertama adalah merupakan tempoh Pelabur dibenarkan membuat langganan.

“Syariah” membawa maksud undang-undang Islam yang berkaitan dengan setiap aspek kehidupan manusia yang ditetapkan oleh Tuhan untuk hamba-hamba-Nya. Undang-undang tersebut dipecahkan kepada 3 bahagian iaitu undang-undang berkaitan kepercayaan (akidah), undang-undang berkaitan perbuatan (fiqh) dan undang-undang berkaitan etika (akhlaq). Dalam perihal ini, Syariah merupakan perkataan lain untuk Islam.

“Patuh Syariah” bermaksud bertepatan dengan prinsip-prinsip Syariah seperti mana yang ditentukan oleh Majlis Syariah HLISB dan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

“Tempoh Langganan” or **“SP”** ialah tarikh pelancaran setiap siri yang bersamaan dengan tempoh selama 21 hari di mana Pelabur boleh melabur dalam siri PIA-i.

“Terma-terma & Syarat-syarat” bermaksud terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian ini dan akan merangkumi apa-apa pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh HLISB/ HLBB dan notis pemberitahuan akan dikeluarkan terlebih dahulu.

“Wakalah” merujuk kepada kontrak di mana satu pihak (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu.

“Wakalah Bi Al-Istithmar” merujuk kepada kontrak wakalah yang bertujuan pelaburan.

1.2. Tafsiran:

- (a) Perkataan yang menunjukkan jantina maskulin merangkumi jantina feminin serta neuter dan sebaliknya. Perkataan yang menunjukkan tunggal merangkumi majmuk dan sebaliknya. [Nota: Takrif ini tidak terpakai untuk versi bahasa Melayu ini].
- (b) Jika Pelabur terdiri daripada dua orang atau lebih, obligasi dan tanggungan setiap orang adalah bersama dan berasingan.

2. AKAUN PELABURAN PORTFOLIO-i

- 2.1. PIA-i ialah akaun pelaburan berdasarkan kontrak lantikan, dikenali sebagai kontrak wakalah antara Pelabur dan Bank. Pelabur bertindak sebagai pengeluar modal yang melantik HLISB sebagai ejen untuk melaburkan wang ke dalam dana khusus yang diuruskan oleh HLISAM yang juga bertindak sebagai Pengurus Pelaburan, selaras dengan kehendak Syariah dan Terma-dan Syarat, bagi pihak Bank. Aturan ini dikenali sebagai Wakalah Bi Al-Istithmar.

- 2.2. Sebarang keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan akan diagihkan kepada Pelabur ketika PDP setelah menolak fi yang tertulis dalam PDS. Sebarang kerugian dari segi kewangan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pelabur, selagi kerugian tersebut tidak berpunca daripada salah laku, kecuaian dan pelanggaran terma-terma tertentu oleh pihak Bank.
- 2.3. PIA-i merupakan produk jenis RA yang mana Pelabur memberikan mandat khas kepada Bank seperti tujuan, kelas aset, sektor ekonomi dan/ atau tempoh pelaburan.
- 2.4. Pelabur yang layak ialah individu dan perniagaan tunggal.

3. OBJEKTIF PELABURAN

- 3.1. Matlamat pelaburan PIA-i adalah untuk menjana pulangan tetap kepada Pelabur dengan melabur dalam portfolio pertumbuhan modal melalui pelaburan berisiko sederhana.

4. STRATEGI PELABURAN

- 4.1. PIA-i akan dilaburkan dalam tiga (3) Dana Unit Amanah patuh Syariah yang diuruskan oleh HLISAM iaitu Dana Al-Izdihar (Pasaran Wang), Dana Maa'rof (Seimbang) dan Dana Makmur (Ekuiti). Pelaburan ke dalam 3 Dana berikut adalah berdasarkan peruntukan aset masing-masing dalam kadar ambang yang dibenarkan bagi mencapai kadar keuntungan jangkaan (EPR) dengan menggunakan mekanisma pertahanan yang sesuai bagi tujuan mengurangkan turun naik dalam pasaran. Untuk maklumat lanjut tentang peruntukan aset, sila rujuk PDS. Walau bagaimanapun, Bank dibenarkan untuk mengubah peruntukan aset bagi setiap Dana jika perlu sebagai strategi pertahanan Bank, dan dengan melanggani PIA-i, Pelabur bersetuju bahawa mereka telah memberikan persetujuan awal kepada Bank untuk mengubah peruntukan aset yang telah ditentukan.

5. PENILAIAN DAN METODOLOGI

- 5.1. Penilaian akan dilakukan pada setiap hari bekerja pada jam 7 malam berdasarkan harga hadapan. Bagi maklumat lanjut mengenai penilaian dan metodologi, Pelabur boleh merujuk pada PDS.

6. PEMBUKAAN AKAUN

- 6.1. Sekiranya Pelabur berprospek merupakan pemegang akaun CASA-i HLISB/CASA HLB, PIA-i boleh dilanggan melalui Hong Leong Connect. PIA-i adalah produk digital dan hanya boleh diakses melalui Hong Leong Connect.



HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

- 6.2. Dengan melanggan PIA-i menerusi Hong Leong Connect, Pelabur melantik HLISB sebagai ejen pelaburan bagi tujuan melabur modal Pelabur, berdasarkan kontrak Syariah, Wakalah Bi Al-Istithmar.
- 6.3. Untuk Pelabur berprospek yang belum memiliki akaun CASA-i/CASA hendaklah terlebih dahulu membuka akaun CASA-i di mana-mana cawangan HLISB/HLBB atau melalui aplikasi telefon ‘Apply@HLB’ dan melanggan akses atas talian terhadap Hong Leong Connect, dan kemudian Pelabur boleh melanggan PIA-i melalui saluran tersebut.
- 6.4. Pemohon hendaklah mematuhi semua peraturan, terma dan syarat Bank yang mengikat untuk membuka akaun CASA-i/CASA.
- 6.5. HLISB/ HLBB boleh menolak sebarang permohonan bagi pembukaan akaun CASA-i/CASA. HLISB/HLBB perlulah memberitahu kepada pemohon terlebih dahulu alasan permohonan tersebut ditolak.
- 6.6. HLISB/ HLBB boleh menganggap maklumat yang diberikan oleh Pelabur sebagai lengkap, benar dan betul. Pelabur juga membenarkan dan mengizinkan HLISB/HLBB untuk memperoleh apa-apa maklumat lain yang berkaitan Pelabur dari mana-mana sumber dan melalui apa-apa kaedah pada bila-bila masa yang difikir sesuai oleh HLISB/HLBB.

7. PENGENDALIAN AKAUN

- 7.1. Pelabur hendaklah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan mestilah melengkapkan Penilaian Kesesuaian (SA) di Hong Leong Connect untuk melanggan PIA-i.
- 7.2. Sebarang langganan untuk pelaburan PIA-i hendaklah menggunakan Ringgit Malaysia (“RM”) sahaja.
- 7.3. PIA-i hanya boleh dilanggan melalui Hong Leong Connect ketika Tempoh Langganan (SP) selama 21 hari. Modal pelaburan akan didebit dari CASA-i HLISB/CASA HLBB Pelabur bagi tujuan pelaburan PIA-i.
- 7.4. Dengan sebab yang mencukupi, Bank berhak untuk menerima atau menolak pelaburan Pelabur berdasarkan alasan-alasan yang munasabah, seperti berpotensi terlibat dengan kegiatan penipuan dan disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan. Walau bagaimanapun, selaras dengan garis panduan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 alasan penolakan tersebut tidak akan didedahkan kepada Pelabur.

8. AKTIVITI PELABURAN

- 8.1. Pelabur hanya boleh melakukan langganan ketika Tempoh Langganan (SP) selama 21 hari. Tiada langganan tambahan dibenarkan selepas SP. Selama tempoh 21 hari, pelaburan yang dilakukan oleh Pelabur akan dilabur ke dalam Dana Al-Izdihar (Pasaran Wang) kecuali langganan yang dilakukan pada Hari ke 21 oleh Pelabur.
- 8.2. Setelah SP tamat, iaitu hari ke 22, wang yang dilabur oleh Pelabur akan dilabur ke dalam 3 Dana bergantung pada peruntukan aset masing-masing.
- 8.3. Jumlah minima pelaburan permulaan PIA-i ialah RM 1,000 dengan gandaan RM100 dan jumlah maksima pelaburan PIA-i ialah RM 5,000,000 bagi satu transaksi.
- 8.4. PIA-i ialah produk kekal (tiada tempoh matang) dengan pengagihan keuntungan setiap enam (6) bulan.
- 8.5. Pelabur dibenarkan memperbaharui pelaburan dengan modal sahaja. Modal pelaburan akan diperbaharui secara kekal manakala keuntungan akan dikreditkan dalam CASA-i/CASA Pelabur dalam tempoh empat (4) hari bekerja setelah tarikh PDP.
- 8.6. Bank boleh menamatkan sebarang pembaharuan automatik sekiranya Bank menganggap tindakan itu perlu dilaksanakan demi kebaikan kedua-dua pihak termasuklah dan tidak terhad kepada kejadian “*force majeure*” seperti yang diterangkan dalam Klausus 19, dengan pemberitahuan diberikan kepada Pelabur terlebih dahulu.
- 8.7. Keuntungan akan diagihkan pada akhir enam (6) bulan pelaburan bagi tiap siri. Bank tidak boleh dan tidak menjamin modal dan jumlah keuntungan daripada pelaburan PIA-i ini.
- 8.8. Bank akan menguruskan nilai prestasi dana yang diterima daripada HLISAM pada setiap hari bekerja.
- 8.9. Bank boleh pada bila-bila masa mendedahkan maklumat yang wajar, tepat dan berkaitan dengan PIA-i kepada Pelabur melalui kaedah munasabah, seperti mengiklankan di dalam laman sesawang Bank bagi tujuan menyampaikan maklumat tersebut.
- 8.10. Helaian Terma dan Syarat mestilah dibaca bersama dengan PDS. Pelabur memperakui bahawa dia telah memahami sepenuhnya segala risiko berkaitan dengan PIA-i, termasuk sebarang kemungkinan untuk mengalami kerugian

kewangan secara keseluruhan atau sebahagian daripada pelaburan modal dalam PIA-i. Jika Pelabur memerlukan penjelasan lebih lanjut, Pelabur boleh menulis e-mel kepada alamat e-mel berikut: hlonline@hlbb.hongleong.com.my sebelum melakukan pelaburan atau dengan alternatif lain, Pelabur boleh pergi ke mana-mana cawangan HLISB/ HLBB atau menelefon pusat panggilan kami di 03-7626 8899 untuk memperoleh maklumat lanjut.

- 8.11. Untuk maklumat lanjut mengenai struktur pelaburan dan sifat pelaburan, sila rujuk PDS.

9. PENGELUARAN DAN PENAMATAN

- 9.1. Pelabur tidak dibenarkan melakukan pengeluaran ketika senario di bawah:
 - (a) Pengeluaran pada hari yang sama ketika langganan dibuat ketika SP.
 - (b) Pengeluaran separa selama tempoh pelaburan.
 - (c) Pengeluaran awal 4 hari bekerja sebelum tarikh PDP dan pada tarikh PDP.
- 9.2. Pelabur dibenarkan melakukan pengeluaran awal seperti senario di bawah:
 - (a) Semasa SP: Sekiranya pelaburan dibuat semasa SP mengalami kerugian, modal dan fi pendahuluan akan dipulangkan kembali kepada Pelabur manakala Pelabur yang masih kekal dalam pelaburan akan menanggung kerugian tersebut. Namun, sekiranya pelaburan tersebut memperoleh keuntungan, keuntungan akan dilepaskan dan akan dinikmati oleh Pelabur yang masih ada. Wang akan dikreditkan kepada Pelabur dalam tempoh empat (4) hari bekerja selepas permintaan dibuat.
 - (b) Selepas SP hingga 4 hari bekerja sebelum tarikh PDP. Fi pendahuluan tidak akan dibayar kembali dan keuntungan akan dilepaskan, jika ada. Pelabur akan menanggung segala kerugian disebabkan pengeluaran awal. Wang akan dikreditkan kepada Pelabur dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas permintaan dibuat.
- 9.3. Pelabur mungkin menerima jumlah langganan yang kurang dari asal sekiranya pengeluaran dibuat sebelum tarikh PDP. Sebelum membuat keputusan untuk melakukan pengeluaran, Pelabur boleh ke paparan IA di Hong Leong Connect untuk melihat anggaran nilai pengeluaran pelaburan. Namun, sila ambil maklum bahawa jumlah pelaburan tertera di skrin pengeluaran hanyalah sebagai rujukan dan nilai sebenar pelaburan boleh berubah bergantung pada tarikh pengeluaran dibuat.
- 9.4. Bank boleh menggantung sebarang pengeluaran dari akaun PIA-i dengan terbitan notis 21 hari dalam keadaan-keadaan berikut:

- (a) Keadaan luar biasa: (i) kegagalan pasaran secara menyeluruh atau krisis kewangan/ ekonomi seperti kejatuhan pasaran saham atau kejatuhan harga aset; (ii) isu-isu operasi seperti bekalan elektrik terputus secara besar-besaran atau kegagalan sistem; dan (iii) "*force majeure*".
 - (b) Demi kepentingan Pelabur, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) asset tidak dapat dicairkan pada harga dan terma-terma yang sesuai untuk memenuhi syarat penebusan. Untuk tujuan ini, harga aset tidak cair akan diperoleh daripada atau disahkan oleh pihak ketiga yang bebas, yang boleh dijalankan sebelum atau selepas penggantungan pengeluaran; dan (ii) Pelabur akan terkesan dengan negatif sekiranya penggantungan tidak dilakukan.
- 9.5. Pengeluaran hanya boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect dan wang akan dikreditkan dalam CASA-i HLISB/CASA HLB Pelabur.
- 9.6. Tidak tertakluk hanya di atas, Bank juga boleh menamatkan siri PIA-i atau dana PIA-i berdasarkan sebab di bawah:
- (a) Siri PIA-i: Sekiranya semua Pelabur bagi siri tertentu melakukan pengeluaran awal dan/ atau tiada Pelabur yang memilih pembaharuan automatik, yang mana terdahulu, siri tersebut akan ditamatkan oleh Bank.
 - (b) Akaun PIA-i: Sekiranya semua Pelabur melakukan pengeluaran awal pada setiap siri, dana PIA-i akan ditamatkan oleh Bank.
- 9.7. Jika Bank, dengan sebab-sebab yang tertentu bercadang untuk menamatkan akaun PIA-i lebih awal, Bank akan terus memaklumkan HLISAM pada hari Bank menerima permintaan pengeluaran.
- 9.8. Bank mestilah memastikan bahawa segala liabiliti telah dilaksanakan sebelum penamatkan akaun berlaku secara sempurna.

10. PEMBAYARAN KEUNTUNGAN

- 10.1. Berdasarkan prestasi setiap siri PIA-i, setiap keuntungan yang dihasilkan akan dibayar kepada Pelabur pada PDP yang berlaku setiap 6 bulan. Untuk pengetahuan lanjut mengenai pulangan pelaburan, sila rujuk PDS dan Laporan Prestasi Dana Suku Tahunan yang diterbitkan dalam laman sesawang kami.
- 10.2. Keuntungan dibayar untuk Pelabur akan dipindahkan ke dalam CASA-i/ CASA Pelabur dalam tempoh empat (4) hari bekerja selepas tarikh PDP.

11. PENUTUPAN & PEMBEKUAN AKAUN

- 11.1. Bank boleh menutup akaun PIA-i Pelabur, sekiranya Bank memutuskan hal tersebut perlu seperti, tetapi tidak terhad kepada, apabila Pelabur terlibat dalam

aktiviti haram dan/atau aktiviti tidak beretika, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelabur.

- 11.2. Bank boleh, pada bila-bila masa dengan pemberitahuan, berhenti daripada menjalankan apa-apa arahan atau transaksi berkaitan dengan PIA-i sekiranya mana-mana situasi berikut berlaku:
 - (a) Bank dimaklumkan bahawa Pelabur telah melakukan sesuatu tindakan kebankrapan dan/atau notis kebankrapan dan/atau petisyen penggulungan dan/atau petisyen pemutang untuk kebankrapan telah difailkan atau dibentangkan kepada Pelabur ("hal-hal insolvensi Pelabur");
 - (b) Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, seperti Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau badan kerajaan lain ("pihak berkuasa berkaitan") untuk menghalang daripada melakukan sebarang transaksi bawah PIA-i.
- 11.3. Bank tidak akan membekukan lagi PIA-i milik Pelabur sekiranya mana-mana situasi berikut berlaku:
 - (a) Berhubung dengan hal-hal kebankrapan Pelabur, Pelabur telah mengemukakan bukti yang wajar hingga memuaskan hati Bank bahawa Notis Kebankrapan atau petisyen pemutang untuk kebankrapan telah ditarik balik secara sah oleh pempetisyen atau ditolak atau dibatalkan oleh mahkamah.
 - (b) Berhubung dengan pertikaian dalaman Pelabur, semua pihak yang terlibat hendaklah mencapai kata persetujuan. Mereka kemudiannya hendaklah menandatangi dan memberi penyataan bertulis yang memberi penerangan meminta penamatan pembekuan PIA-i dengan tidak bersyarat.
 - (c) Berhubung perintah daripada pihak-pihak berkuasa berkaitan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkaitan untuk menamatkan pembekuan PIA-i;
 - (d) Bank diberi perintah mahkamah untuk membenarkan atau mengarahkan penamatan pembekuan PIA-i.
- 11.4. Kecuali kerugian yang berpunca daripada salah laku sengaja atau kecuaian pihak Bank, Pelabur bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan boleh dibayar ganti rugi penuh terhadap sebarang tuntutan, kerugian dan/atau apa-apa tanggungan dan/atau tuntutan pembayaran yang mungkin dibuat terhadap Bank oleh Pelabur atau mana-mana pihak disebabkan oleh pembekuan PIA-i.
- 11.5. Sekiranya Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam sebarang tindakan guaman (contohnya prosiding interplider dan sebagainya) berbangkit daripada tindakan Bank yang membekukan PIA-i, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi

sebarang liabiliti yang muncul disebabkan tindakan guaman tersebut sama ada mungkin ditanggung oleh atau dianugerahkan kepada Bank, oleh mahkamah kecuali dengan sebab munasabah.

- 11.6. Dalam situasi Bank mengesyaki akaun Pelabur digunakan atau dikaitkan dengan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank boleh meminta Pelabur untuk menjelaskan dan mengesahkan transaksi tersebut. Jika Pelabur gagal memberi penjelasan kepada Bank atau penjelasan yang diberikan tidak memuaskan pada Bank (penerangan tanpa bukti sokongan), Bank boleh menutup, membekukan atau mengambil tindakan terhadap akaun Pelabur sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank, selagi Pelabur diberitahu terlebih dahulu.

12. PENYATA AKAUN

- 12.1. Penyata akaun bulanan secara atas talian, yang menyenaraikan semua transaksi dalam tempoh pelaburan tersebut, akan disediakan bagi Pelabur di Hong Leong Connect.
- 12.2. Sekiranya penyata akaun bulanan tidak tersedia untuk Pelabur di Hong Leong Connect atau adanya sebarang kesilapan atau tuntutan untuk sejarah transaksi atau penyata yang disediakan atas talian di Hong Leong Connect, Pelabur hendaklah memaklumkan Bank dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerbitan sejarah transaksi atau penyata tersebut. Jika tidak, Pelabur dianggap menerima setiap entri terkandung dalam sejarah transaksi dan penyata sebagai benar dan tepat dari semua aspek.

13. FI, KOS, PERBELANJAAN & BAYARAN

- 13.1. Pelabur akan dikenakan fi pengurusan oleh HLISAM pada setiap dana pendasar. Ia dikira dan diakru secara harian pada NAV tiap Dana tersebut. Kadar keuntungan yang diberikan kepada Pelabur ialah pulangan bersih selepas fi pengurusan ditolak. Untuk maklumat lanjut, Pelabur boleh rujuk HLISAM Prospektus Utama untuk melihat perincian dana-dana tersebut di <https://www.hlisb.com.my/content/dam/hlisb-new/my/docs/extraction-of-salient/hldm-extraction-of-salient-info.pdf>.

- 13.2. Perincian fi yang dikenakan pada tiap langganan PIA-i ialah seperti berikut:

| Jenis Fi | Jumlah Fi |
|----------------|---|
| Fi Pengurusan | <ul style="list-style-type: none">• 1.50% p.a dicaj pada Dana Makmur• 1.50% p.a dicaj pada Dana Maa'rof• 0.20% p.a dicaj pada Dana Al-Izdihar |
| Fi Pendahuluan | <ul style="list-style-type: none">• 1.00% dicaj pada tiap langganan oleh Pelabur ketika SP |

| Jenis Fi | Jumlah Fi | | |
|-------------|--|--|-------------------------------|
| Fi Insentif | <ul style="list-style-type: none"> Kadar siling hingga 0.25% p.a¹ oleh Bank jika pulangan PIA-i melebihi 6.00% p.a. <p>¹Berikut merupakan fi insentif dikenakan pada kemungkinan senario PDP:</p> | | |
| | Kemungkinan Senario ketika PDP (p.a %) | Kadar Keuntungan Jangkaan ketika PDP (p.a %) | Fi Insentif (p.a %) |
| | Kurang dari 6.00% | 5.90% ketika PDP | Tidak dicaj |
| | Lebih dari 6% atau sama dengan 6.25% | 6.10% ketika PDP | Fi Insentif dicaj ialah 0.10% |
| | Lebih dari 6.25% | 6.30% ketika PDP | Fi Insentif dicaj ialah 0.25% |

- 13.3. Pelabur bersetuju untuk membayar sebarang fi dan bayaran yang berkaitan dengan transaksi PIA-i (termasuk tetapi tidak terhad kepada fi pendahuluan, fi pengurusan, fi insentif dan cukai perkhidmatan atau SST jika ada) untuk apa-apa perkhidmatan HLISB/HLBB yang dilakukan kepada Pelabur. Semua kemungkinan fi dan bayaran berdasarkan situasi yang relevan boleh didapati dalam PDS.
- 13.4. HLISB/ HLBB boleh mengubah fi, komisyen dan sebarang bayaran pada bila-bila masa dengan notis pemberitahuan dikeluarkan terlebih dahulu.
- 13.5. Jika HLISB/ HLBB perlu di sisi undang-undang untuk menahan sebarang jumlah wang dari akaun PIA-i, HLISB/HLBB boleh menolak sebarang cukai atau bayaran lain yang perlu dibayar berhubung dengan pendapatan PIA-i Pelabur dari amaun akaun PIA-i Pelabur yang ditahan.

14. NOTIS & PERHUBUNGAN

- 14.1. Sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi Pelabur, Pelabur hendaklah memaklumkan kepada HLISB/HLBB tentang perubahan tersebut dengan menghubungi +603-7626 8899 atau mengunjungi mana-mana cawangan HLISB/HLBB di seluruh negara.
- 14.2. Tujuan Klaus 14.1 di atas adalah untuk membolehkan Bank menyampaikan maklumat mengenai operasi akaun dan segala aktiviti pemasaran yang berkaitan dengan Pelabur. HLISB/HLBB perlulah menggunakan maklumat peribadi terkini yang dimaklumkan oleh Pelabur untuk tujuan perhubungan.



HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

- 14.3. Sebarang pemindaan berkaitan dengan pelaburan PIA-i akan diberitahu kepada Pelabur melalui kaedah-kaedah perhubungan yang disebut dalam Klausula 14.2 di atas sebelum pemindaan tersebut dibuat.
- 14.4. Sekiranya Pelabur menghantar notis kepada HLISB/ HLBB melalui pos atau servis kurier atau meninggalkan sebarang notis di mana-mana cawangan, notis tersebut tidak akan dianggap telah sampai kepada HLISB/ HLBB melainkan diakui secara bertulis.

15. ARAHAN

- 15.1. Sebarang arahan daripada Pelabur kepada HLISB/HLBB berkaitan PIA-i mestilah secara bertulis dan ditandatangani oleh Pelabur atau melalui e-mel Pelabur yang berdaftar dengan Bank. Arahan tersebut hanya berkuat kuasa apabila diterima oleh HLISB/HLBB.

16. PENEPIAN

- 16.1. Sebarang kegagalan, kelewatan atau pengabaian oleh HLISB/ HLBB untuk menggunakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak bermakna bahawa Bank telah melepaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut kecuali dinyatakan dengan jelas. Ia juga tidak akan menjelaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi semasa atau pada masa hadapan HLISB, tidak kira sama ada HLISB telah melepaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut ataupun tidak.

17. TANGGUNG RUGI

- 17.1. Kecuali kerugian disebabkan salah laku sengaja atau kecuaian secara langsung oleh pihak Bank, Pelabur tidak akan mempertanggungjawabkan HLISB/HLBB dan akan mengganti rugi HLISB/HLBB untuk sebarang kerugian, kerosakan dan perbelanjaan HLISB/HLBB yang mungkin alami, kecuali dengan sebab munasabah.
- 17.2. Pelabur akan melepaskan sebarang keuntungan dan Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang faedah tambahan yang dinikmati oleh Bank disebabkan apa-apa batasan di luar kawalan Bank.

18. HAD TANGGUNGAN

- 18.1. HLISB/ HLBB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelabur dan/atau mana-mana pihak ketiga untuk sebarang kerugian (sama ada secara langsung maupun tidak langsung) kewangan atau perniagaan atau nama baik atau turutan walaupun jika HLISB/HLBB telahpun dinasihati tentang kemungkinan terjadinya situasi tersebut, kecuali dengan sebab munasabah.
- 18.2. Tertakluk kepada peruntukan dalam dokumen ini, tanggungan maksimum HLISB/ HLBB kepada Pelabur tidak boleh melebihi jumlah urus niaga yang terlibat yang menimbulkan tuntutan atau kerosakan langsung yang dialami, mengikut mana-mana yang lebih rendah, dalam kontrak dan tort (termasuk kelalaian atau pelanggaran kewajiban statutori).
- 18.3. Setiap peruntukan dalam Klaus 18 ini dianggap mempunyai had berasingan. Sekiranya salah satu peruntukan tidak boleh diguna pakai atau dikira tidak munasabah, peruntukan yang lain akan tetap berkuatkuasa walaupun PIA-i ditamatkan.

19. FORCE MAJEURE

- 19.1. HLISB/HLBB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesusahan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang dialami atau yang timbul pada Pelabur akibat ketidakbolehan HLISB/HLBB untuk menjalankan apa-apa operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan disebabkan apa-apa sebab yang di luar kawalan HLISB/HLBB, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kemalangan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, sekatan, perperangan, epidemik, pandemik, perbuatan Tuhan atau apa-apa faktor dalam bentuk "*force majeure*" atau apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, air atau bekalan bahan api.

20. KETERASINGAN

- 20.1. Apa-apa peruntukan, terma atau syarat dalam dokumen ini atau apa-apa dokumen cagaran yang diambil adalah atau menjadi haram, terbatal, tidak sah, dilarang atau tidak boleh berkuat kuasa dalam apa juia hal dianggap tidak boleh diguna pakai. Walaubagaimanapun, hal ini tidak membatalkan peruntukan-peruntukan lain yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini atau dokumen-dokumen cagaran yang berkaitan.

21. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

- 21.1. Terma dan Syarat ini akan diselia dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan dokumen-dokumen pengawalseliaan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang HLISB/HLBB tertakluk kepadanya. Dalam menguatkuasakan hak-hak, HLISB/HLBB boleh mengambil tindakan terhadap Pelabur dan mana-mana pihak yang HLISB/HLBB anggap sesuai. Pelabur bersetuju untuk mana-mana tindakan atau prosiding yang dilakukan di Malaysia, ia hendaklah mematuhi bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaya dan Sabah dan Sarawak.

22. TIADA PENYERAHAN HAK ATAU KEWUJUDAN KEPENTINGAN CAGARAN

- 22.1. Pelabur tidak boleh, tanpa kebenaran secara bertulis oleh Bank, menyerahkan hak dan/atau mewujudkan sebarang kepentingan cagaran terhadap atau berkaitan dengan PIA-i untuk kepentingan mana-mana individu kecuali Bank.

23. PENDEDAHAN

- 23.1. Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013/IFSA 2013, Pelabur memberikan HLISB/HLBB untuk mendedahkan segala maklumat tentang dan berkaitan dengan PIA-i kepada:

- (a) institusi-institusi kewangan lain yang memberikan atau bercadang untuk memberikan sebarang kemudahan kredit kepada Pelabur, Cagamas Berhad, Perbadanan Jaminan Kredit, mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM)/Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) atau mana-mana pihak berkuat kuasa lain yang diberi kuasa di sisi undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut;
- (b) mana-mana syarikat semasa atau yang akan datang yang boleh dikaitkan dengan atau berkaitan dengan HLISB/HLBB (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016);
- (c) pihak-pihak pemberi cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan jaminan berkenaan dengan PIA-i;
- (d) penasihat profesional HLISB/HLBB (dan syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dengannya), juruaudit, peguam, pembekal perkhidmatan penerima penamaan, ejen-ejen, kontraktor-kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga.

- 23.2. Pelabur mengesahkan bahawa HLISB/HLBB tidak akan menanggung sebarang liabiliti apabila mendedahkan maklumat tersebut atau apa-apa akibat daripada kebergantungan maklumat yang didedahkan tersebut.

- 23.3. Pelabur bersetuju dengan pemegangan, pengumpulan dan pengunaan oleh HLISB/HLBB mengenai semua data peribadi yang diberi oleh Pelabur, yang diperoleh daripada domain awam atau dikumpulkan melalui perkhidmatan yang disediakan kepada Pelabur, mengikut Notis Privasi HLISB/HLBB. Untuk makluman lebih lanjut mengenai Notis Privasi, sila rujuk pautan berikut: <https://www.hlb.com.my/privacynotice>.

24. TERMA & SYARAT

- 24.1. Semua Terma dan Syarat adalah bukan klaus yang berasingan dan masih tertakluk kepada Terma dan Syarat yang lain kecuali dinyatakan sebaliknya atau diasingkan (seperti tertera di Klaus 20.1).
- 24.2. HLISB/HLBB boleh membuat perubahan, yang mengikat Pelabur, kepada Terma dan Syarat ini dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelabur. HLISB/HLBB dianggap telah memberi notis kepada Pelabur setelah memaparkan peruntukan terperinci tentang perubahan yang dilakukan di premis-premis dan laman sesawang HLISB/HLBB, dan menghantar notis kepada alamat terakhir Pelabur yang diketahui, melalui e-mel elektronik, melalui Hong Leong Connect atau melalui apa-apa cara pemberitahuan yang dipilih oleh HLISB/ HLBB. Perubahan yang dilakukan adalah mengikat terhadap Pelabur mulai dari tarikh notis diberi tentang perubahan tersebut atau dari tarikh yang dinyatakan oleh HLISB/HLBB dalam notis pemberitahuan tersebut, melainkan Pelabur memaklumkan Bank bahawa Pelabur tidak bersetuju dengan perubahan yang dilakukan dalam masa empat belas (14) Hari Bekerja setelah dimaklumkan.
- 24.3. Jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat untuk sebarang perkhidmatan elektronik, telefon dan/atau perbankan internet yang disediakan oleh HLISB/HLBB, terma dan syarat perkhidmatan elektronik, telefon dan/atau perbankan internet tersebut akan diterima pakai.

25. SEKURITI DAN PENAFIAN

- 25.1. Di mana sebarang terma/keperluan/arahan dalam Terma dan Syarat ini tidak dipatuhi oleh Pelabur, HLISB/HLBB akan terlepas daripada segala tanggungan sama yang berkenaan. Pelabur sedia maklum bahawa sekiranya Pelabur memberi akses akaun kepada pelbagai pihak, Pelabur akan menangani keperluan perlindungan dalaman dan penyemakan penyata akaun.

26. WAKTU DAN/ATAU HARI BEKERJA

- 26.1. HLISB/ HLBB boleh melanjutkan, mengubah atau menyemak semula waktu dan/atau hari bekerja mengikut keperluan perniagaan dan pengendaliannya dengan memberi pemberitahuan terlebih dahulu.



HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

27. CUKAI BARANGAN, JUALAN & PERKHIDMATAN

- 27.1. Pelabur akan membayar sebarang Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan/atau Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang perlu ditunaikan hasil dari aktiviti pelaburan PIA-i atau sebarang aktiviti berkaitan dengannya jika ada.

28. LAIN-LAIN

- 28.1. Sekiranya terdapat aduan berhubung dengan PIA-i, Pelabur boleh mengemukakan aduan di mana-mana pusat atau cawangan HLISB/HLBB. Jika penerangan atau penyelesaian yang diberi oleh pusat atau cawangan HLISB/HLBB tidak mencapai tahap memuaskan untuk Pelabur, Pelabur boleh menghubungi HLISB/ HLBB *Service Recovery & Complaint Resolution – Customer Experience* di alamat, nombor telefon, dan e-mel berikut (atau mana-mana alamat, nombor telefon, e-mel lain yang mungkin berubah dengan notis pemberitahuan dikeluarkan terlebih dahulu): Hong Leong Bank Berhad, Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. No. Pusat Panggilan: +603-7626 8899, E-mel: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my.
- 28.2. Sekiranya Pelabur tidak berpuas hati dengan resolusi HLISB/HLBB terhadap aduan yang dibuat, Pelabur boleh menghubungi LINK Bank Negara Malaysia atau BNMTTELELINK di alamat, nombor telefon dan e-mel berikut: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur. No. Pusat Panggilan: 1-300-88-5465, E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my.
- 28.3. Terma dan Syarat ini dirangka untuk mematuhi Syariah secara menyeluruh. Pihak Pelabur dan Bank bersetuju bahawa hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka dalam perjanjian ini bertepatan dengan prinsip-prinsip Syariah (seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia).
- 28.4. **PENTING:** Sila ketahui bahawa kegagalan Pelabur untuk mematuhi sebarang terma yang tertera di dalam sebarang bahagian Terma dan Syarat ini akan membebaskan HLISB/HLBB dari semua tanggungan.

(Terma dan Syarat Tamat)

AMARAN

PULANGAN TERHADAP AKAUN PELABURAN-i INI AKAN BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. MODAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN MENANGGUNG RISIKO TIDAK MEMPEROLEH SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. AKAUN PELABURAN-i INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.